

05/06/2002

Simposium anak cemerlang peneroka Felda Ogos

KUANTAN, Selasa - Satu simposium dan perhimpunan membabitkan 3,000 anak peneroka Felda yang berjaya dalam hidup dan kerjaya, akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, 10 Ogos depan.

Perhimpunan pertama anjuran Gabungan Wawasan Generasi Felda Malaysia (GWGFM) akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perdana Menteri juga dijangka menyampaikan amanat penting kepada generasi kedua Felda.

Setiausaha GWGFM, Abdullah Abu Bakar, berkata tiga isu penting akan dibincangkan pada majlis itu iaitu ekonomi, pendidikan dan sosial.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM), berkata anak peneroka Felda yang hadir juga akan membincangkan peranan dan hala tuju Felda dan masyarakat itu pada masa depan.

"Kita juga akan melancarkan Dana Wawasan Generasi Felda, khusus bagi membantu anak peneroka Felda dalam perniagaan dan pendidikan.

"Simposium dan perhimpunan sehari itu juga diadakan bagi mengkaji dan menilai pencapaian sosio ekonomi serta pendidikan generasi kedua Felda," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau berkata, kehadiran Perdana Menteri membuktikan sokongan dan keprihatinannya terhadap masalah masyarakat Felda.

Abdullah berkata, hasil perbincangan yang diadakan akan dikemukakan kepada kerajaan dalam usaha membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat itu, termasuk generasi kedua.

"Setakat ini, kita menerima maklum balas daripada 15,000 anak peneroka Felda yang berjaya dalam kerjaya masing-masing dan berminat menghadiri simposium berkenaan.

"Antara mereka yang terkenal dan bakal hadir di majlis itu, termasuk pakar masakan, Chef Wan, penyanyi Ramlah Ram dan Jalil Hamid serta ahli sukan, Hamberi Mahat," katanya.

Beliau berkata, anak peneroka yang memiliki kemahiran bidang tertentu dan berminat menyertai program berkenaan boleh menghubungi urusetia di talian telefon 03-41481850 atau faksimili 03-41481852.

Katanya, mereka juga boleh menulis ke alamat 30-1, Jalan 8/23E, Taman Damai Kota, 53300 Kuala Lumpur untuk mendapatkan maklumat lanjut.

(END)